

## **FENOMENA TALAQQI AL-QURAN BERSANAD DI MALAYSIA**

Oleh:

Norazman bin Alias<sup>1</sup>  
Khairul Anuar bin Mohamad<sup>2</sup>  
Samer N.A Samarh<sup>3</sup>  
Adnan bin Mohamed Yusoff<sup>4</sup>  
Ahmad Kamel bin Mohamed<sup>5</sup>  
Zulhilmi bin Mohamed Nor<sup>6</sup>  
Ahmad Sanusi bin Azmi<sup>7</sup>  
Mohd Hasbie al-shiddieque bin Ahmad<sup>8</sup>

*Mutakhir ini, amalan talaqqi al-Quran secara bersanad telah pun mendapat tempat di hati masyarakat Islam di Malaysia khususnya sebagai satu pengiktirafan yang tertinggi dalam bacaan al-Quran seseorang itu. Berdasarkan kepada pengamatan penulis, kebanyakan pusat/institusi yang menawarkan ijazah melalui program*

---

<sup>1</sup> . Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). norazman@usim.edu.my

<sup>2</sup> . Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). khairul@usim.edu.my

<sup>3</sup> . Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). samernajeh@usim.edu.my

<sup>4</sup> . Profesor Madya, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). adnan@usim.edu.my

<sup>5</sup> . Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). kamel@usim.edu.my

<sup>6</sup> . Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). zulhilmi@usim.edu.my

<sup>7</sup> . Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). sanusi@usim.edu.my

<sup>8</sup> . Felo Siswazah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) hasbieahmad@gmail.com

*talaqqi al-Quran secara bersanad ini adalah mengikut bacaan Riwayat Hafs 'an 'Asim menurut Toriq al-Syatibiyyah. Perkembangan program atau kursus talaqqi al-Quran bersanad ini mula dilihat menarik minat di sebahagian tempat di tanah air. Ini dapat dilihat menerusi kewujudan program dan pusat pengajian talaqqi al-Quran bersanad yang memberangsangkan seperti yang dianjurkan oleh Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra di Nilam Puri, Pusat Pengajian Al-Quran dan Qiraat QQ Gemilang, Pusat Pengajian Al Mufid di Kuala Terengganu dan sebagainya. Namun begitu, masih terdapat di kalangan masyarakat yang belum menyedari kewujudan program dan amalan talaqqi al-Quran ini disebabkan oleh keterbatasan maklumat. Ada juga di kalangan para peserta khususnya yang masih belum memahami konsep sanad al-Quran dan kaedah talaqqi al-Quran yang diamalkan secara warisan. Melihat kepada fenomena yang mula mendapat tempat di kalangan pencinta al-Quran di tanahair, maka kajian ini akan mengupas mengenai fenomena pengajian al-Quran bersanad di kalangan masyarakat malaysia khususnya berdasarkan kepada latarbelakang responden seperti umur, tahap pendidikan, jantina dan ketogori responden. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif yang mana soal selidik dijadikan sebagai instrumen utama dan melibatkan 101 responden samada di kalangan murid dan guru. Kesimpulan kajian mendapati bahawa kesedaran pengajian al-Quran secara talaqqi bersanad di kalangan masyarakat menjadi satu fenomena baru dalam dunia pengajian al-Quran. Kajian ini dapat mengenalpasti sejauhmana minat dan kesedaran masyarakat terhadap pengajian al-Quran bersanad. Di samping memberi pendedahan terhadap kepentingan talaqqi yang tepat menurut pandangan qurra'.*

**Kata Kunci:** *Talaqqi, Sanad al-Quran*

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Talaqqi al-Quran al-Karim merupakan amalan salih yang dilakukan secara turun temurun sejak daripada wahyu yang pertama diturunkan kepada nabi Muhammad saw melalui perantaraan Jibril as. Proses pembacaan al-Quran secara bertalaqqi ini adalah amat penting demi memperbetulkan sebutan lafaz bacaan dan mengembalikan hak sifat kepada huruf al-Quran agar terhindar daripada kesalahan membacanya lebih-lebih lagi kesalahan yang melibatkan baris dan perubahan huruf.

Proses ini pula tidak akan sempurna melainkan perlulah secara bertalaqqi di bawah bimbingan dan tunjuk ajar guru yang pakar dalam bidang tersebut selain memperoleh ijazah sanad al-Quran dan boleh mengajarkannya. Ini bersandarkan kepada amalan umat Islam yang terdahulu dan kini di mana seorang pembaca akan memperdengarkan bacaannya di hadapan guru lalu guru akan memperbaiki sebutan lafaznya ataupun guru tersebut akan memperdengarkan bacaan lalu pembaca akan memdengarnya dengan baik. Berkata al-Suyuti: “Dan adapun membaca di hadapan syeikh, ia adalah amalan umat terdahulu dan kini”.<sup>9</sup>

---

<sup>9</sup> . Abd al-Rahman bin Abi Bakr Jalaluddin al-Suyuti (2003). *Al-Itqan Fi Ulum al-Quran*. Kaherah: Dar al-Sya’b. Jil. 1. Hal. 343.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Fenomena talaqqi al-Quran bersanad di Malaysia yang dianggap baru ini telah menatijahkan satu perkembangan pengajian al-Quran yang positif dan mula mendapat tempat dan perhatian di kalangan umat Islam di Malaysia. Perkembangan yang positif ini dalam bidang pengajian talaqqi al-Quran perlulah terus disokong dan didokong oleh semua lapisan masyarakat. Meskipun satu organisasi atau pusat di bawah kendalian pihak kerajaan belum lagi ditubuhkan dalam menyelaraskan program talaqqi al-Quran bersanad ini, kelemahan dan kelemahan yang ada tidak boleh dijadikan sebagai batu penghalang dalam menyebarkan dakwah celik al-Quran kepada masyarakat Islam setempat. Namun begitu, dalam keghairahan pihak penganjur dan minat yang tinggi dalam menawarkan program bersifat nilai komersial ini, terdapat beberapa perkara yang perlu diperhalusi dan dikaji seperti kefahaman terhadap kaedah talaqqi al-Quran, proses pengijazahan serta pembahagiannya dan lain-lain lagi, agar ijazah sanad al-Quran yang diterima menepati dengan kriteria sebenar yang diletakkan oleh para ulama dan tidak disalahguna bagi tujuan tertentu.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dibangunkan bagi menjawab beberapa permasalahan kajian iaitu:

1. Menjelaskan pengertian talaqqi dan sanad dalam pengajian al-Quran.

2. Menganalisa fenomena talaqqi al-Quran bersanad di Malaysia berdasarkan kepada latar belakang responden di pusat pengajian al-Quran yang terpilih.

### **DEFINISI TALAQQI AL-QURAN**

Talaqqi التَّلَقِّي merupakan perkataan yang diambil daripada kata dasar لَقِيَ iaitu pertemuan.<sup>10</sup> (Farahat, 2005)

Dari segi istilah pula, talaqqi bererti pengambilan (bacaan al-Quran) daripada seorang yang dipercayai daripada guru yang dipercayai dan seorang imam daripada imam sehinggalah kepada nabi Muhammad saw.<sup>11</sup> Berkata al-Majidi: “Talaqqi ialah suatu metode pembelajaran lafaz al-Quran di mana seorang guru akan membacakan sepotong ayat kepada murid, lalu murid tersebut akan membacakan semula ayat tersebut dengan cara bacaan guru tadi”.<sup>12</sup>

---

<sup>10</sup> . Muhammad bin Abi Bakr bin Abd al-Qadir al-Razi (T.T). *Mukhtar al-Sihah*. Kaherah: Dar al-Sya’b. Jil. 1. Hal. 343.

<sup>11</sup> . Muhammad bin Abd al-Azim al-Zurqani (1996). *Manahil al-Irfan Fi Ulum al-Quran*. Beirut: Dar al-Fikr. Jil. 1. Hal. 278.


<sup>12</sup> . Abd al-Salam al-Majidi (2000). *Talaqqi al-Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam Alfaz al-Quran al-Karim*. Beirut: Muassasah al-Risalah. Hal. 141.

Berdasarkan kepada dua takrifan di atas, dapat disimpulkan bahawa talaqqi al-Quran ialah suatu proses pembelajaran bacaan al-Quran yang melibatkan seorang murid membaca al-Quran di hadapan seorang guru lalu guru akan memperbetulkan bacaan murid tersebut. Proses ini juga dikenali sebagai musyafahah iaitu mempelajari bacaan al-Quran di hadapan guru secara lisan

## HUKUM TALAQQI AL-QURAN

Dari perspektif ilmu Tajwid pula, hukum amalan talaqqi al-Quran ini dilihat oleh sebahagian ulama sebagai wajib sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Majidi.<sup>13</sup> Antara hujah dan dalil yang menguatkan pandangan tersebut ialah:

1. Firman Allah SWT:



Maksudnya:

*“Dan Kami nyatakan bacaannya kepadamu dengan teratur satu persatu.”*<sup>14</sup>

(Surah al-Furqan, ayat 32)

2. Firman Allah SWT:

---

<sup>13</sup> . Ibid. Hal. 144.

<sup>14</sup> . al-Quran 25:23.

وَإِنَّكَ لَتُلْقَى الْقُرْآنَ مِنْ لَدُنِّ حَكِيمٍ عَلِيمٍ ﴿٦﴾

Maksudnya:

“Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) diberikan menyambut dan menerima al-Quran dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Mengetahui.”<sup>15</sup>

(Surah al-Naml, ayat 6)

3. Daripada Abu Hurairah ra, Aisyah ra telah meriwayatkan bahawasanya Jibril as membentangkan bacaan al-Quran kepada Nabi saw sekali pada setiap tahun dan pada tahun baginda wafat sebanyak dua kali.<sup>16</sup>

4. Gesaan Nabi saw untuk mempelajari al-Quran daripada empat orang sahabat. Sabda Baginda:

خُذُوا الْقُرْآنَ مِنْ أَرْبَعَةٍ مِنْ ابْنِ أُمِّ عَبْدِ وَمُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ  
وَأَبِي بِنِ كَعْبٍ وَسَالِمِ مَوْلَى أَبِي حُدَيْفَةَ

Maksudnya:

“Ambillah (pelajarilah) al-Quran daripada empat sahabat iaitu Ibn Ummi ‘Abd, Mu’adz bin Jabal, Ubai bin Ka’ab dan Salim Maula Abi Huzairah.”<sup>17</sup>

---

<sup>15</sup> . al-Quran 27:6.

<sup>16</sup> . Muhammad bin Ismail al-Bukhari (2001). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Tauq al-Najah. Jil. 6. Hal. 186.

<sup>17</sup> . Muslim bin al-Hajjaj al-Naisaburi (2001). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Jail. Jil. 7. Hal. 148.

5. Berkata Abu Zaid kepada Abu ‘Amr bin al-‘Ala’: “Adakah tatkala engkau mengambil bacaan, engkau membacanya sebagaimana engkau mendengarnya? Kata Abu ‘Amr: Kalaulah aku tidak mendengar bacaannya, aku tidak akan membacanya kerana bacaan al-Quran ialah sunnah yang diikuti”.<sup>18</sup>

### **PEMBAHAGIAN KAEDAH TALAQQI AL-QURAN**

Seseorang qari al-Quran yang bagus bacaannya tidak terhasil secara semulajadi. Beliau perlu melalui proses talaqqi secara berguru dalam memperbetulkan sebutan makhraj dan sifat huruf serta memperbaiki bacaannya agar lebih berkualiti dan menepati bacaan yang diajar oleh Nabi Muhammad saw. Menurut al-Salum<sup>19</sup> (*Turuq Talaqqi al-Quran 'Inda al-Qurra'*, 2010), terdapat empat jenis atau kaedah talaqqi al-Quran di sisi para qurra' iaitu:

1. Al-Talqin (التلقين) iaitu memberi kefahaman. Talqin al-Quran pula bermaksud guru membaca ayat al-Quran sambil didengari oleh murid dengan teliti dan membaca kembali bacaan guru. Kaedah ini merupakan proses pembelajaran al-Quran yang paling tinggi dan diamalkan secara meluas sejak daripada penurunan wahyu melalui

---

<sup>18</sup> . Abd al-Wahhab bin Wahban al-Mizzi (2004). *Ahasin al-Akhbar Fi Mahasin al-Sab'ah al-Akhyar*. Beirut: Dar Ibn Hazm. Hal. 97.

<sup>19</sup> . Ahmad bin Faris al-Salum (2010). *Turuq Talaqqi al-Quran 'Inda al-Qurra'*. Riyadh: Majallah al-Jundi al-Muslim. T.hal.

perantaraan Jibril as sehinggalah pada zaman Qurra'. Antara mereka yang menggunakan kaedah talqin ini ialah Qalun daripada Nafi'. Berkata al-Jarmi: "Imam Ibn al-Jazari turut mentalqinkan bacaannya kepada muridnya yang ramai ketika beliau berada di Kaherah lalu muridnya membaca kembali bacaan beliau".<sup>20</sup>

2. Al-'Ardh (العَرْضُ) iaitu membaca di hadapan guru. Kaedah memperdengarkan bacaan al-Quran di hadapan guru merupakan salah satu jenis talaqqi yang masyhur dan diamalkan sehingga ke hari ini. Apabila seorang pembaca memperdengarkan bacaannya di hadapan guru, maka guru akan mendengar dan memperbetulkan kesalahan bacaannya sama ada kesalahan kecil mahupun kesalahan besar.

3. Al-Sam' (السَّمْعُ) iaitu mendengar bacaan guru. Kaedah ini menuntut agar pembaca mendengar bacaan guru dengan baik tanpa perlu mengulangi bacaan tersebut kepada guru. Berkata al-Jarmi: "Nabi saw mengambil bacaan daripada Jibril as secara musyafahah dan al-Sam' daripadanya".<sup>21</sup> Hal ini agak mudah dilaksanakan kerana umat Islam pada zaman dahulu agak fasih dan tepat dari segi bacaan al-Quran dan sebutan makhraj serta penguasaan mereka terhadap

---

<sup>20</sup> . Ibrahim bin Muhammad al-Jarmi (2001). *Mu'jam Ulum al-Quran*. Beirut: Dar al-Qalam. Hal. 106.

<sup>21</sup> . Ibid. Hal. 269.

hukum Tajwid dan Qiraat. Namun begitu, kaedah ini tidak sesuai diamalkan pada zaman sekarang.<sup>22</sup> (Dzulkifli & Abdul Ghani, 2011)

4. Riwayah al-Huruf ( **رَوَايَةُ الْحُرُوفِ** ) iaitu meriwayatkan huruf daripada guru yang mursyid tanpa perlu membaca di hadapannya. Kaedah ini amat jarang dilakukan kerana ia melibatkan bacaan Qiraat di dalam kitab seperti Abu Bakr Syu'bah bin 'Ayyash daripada 'Asim al-Najjud, di mana beliau tidak mengijazahkan sanad bacaan beberapa tempoh sebelum kewafatan beliau. Lalu periwayatan huruf bagi bacaan Syu'bah ialah melalui *Toriq* Yahya bin Adam yang bertalaqqi secara langsung dengan beliau.

#### **DEFINISI SANAD**

Sanad berasal dari kata kerja bahasa Arab iaitu ( **سَنَّ** ) yang bermaksud bertelekan, berteleku, bersandar dan menyandarkan. Adapun kata nama sanad ( **سَنَدٌ** ) pula bermaksud tempat sandaran.<sup>23</sup> (Mu'jam al-Wasit, 2003) Istilah sanad ( **سَنَدٌ** ) seringkali dinisbahkan kepada ilmu Hadis. Menurut pandangan ulama Hadis, sanad ( **سَنَدٌ** ) dikenali sebagai rangkaian perawi-perawi hadis yang meriwayatkan hadis daripada

---

<sup>22</sup> . Ibrahim bin Muhammad al-Jarmi (2001). *Mu'jam Ulum al-Quran*. Beirut: Dar al-Qalam. Hal. 106.

<sup>23</sup> . Ibrahim bin Mustafa, Ahmad al-Zayyat (2003). *Al-Mu'jam al-Wasit*. Kaherah: Dar al-Dakwah. Jil. 1. Hal. 454.

seseorang daripada seseorang sehinggalah sampai kepada Rasulullah saw.<sup>24</sup>

Sanad al-Quran pula digunapakai di kalangan ulama Qiraat yang merujuk kepada rangkaian *muqri'* daripada *muqri'* sehingga sampai kepada Rasulullah saw. Berkata al-Dausari: “Dan ada pun sanad (سَنَدٌ) dari segi istilah qurra' ialah jalan yang bersambung rantaian sehingga kepada Rasulullah saw berserta wajah bacaannya. Sanad al-Quran terdiri daripada susur jalur orang yang mewarisi bacaan al-Quran dan teliti pada bacaan hurufnya, dan ia sentiasa berterusan dan bersambung, khususnya pada qiraat sepuluh”.<sup>25</sup>

Takrifan sanad al-Quran di atas menjelaskan kepada kita bahawa ia merupakan keistimewaan yang eksklusif umat Islam sebagai asas pengiktirafan bacaan al-Quran daripada seorang *muqri'* daripada *muqri'* sehinggalah sampai kepada Rasulullah saw, sama ada menurut satu riwayat bacaan mahupun kepelbagaian Qiraat yang lain yang bersifat mutawatir sebagaimana diwahyukan kepada baginda saw. Secara umumnya, guru yang memberi sanad akan memastikan pelajar sudah mengkhatamkan al-Quran dan membacanya dengan lidah yang fasih, menguasai ilmu Tajwid dan memahami kaedah *Waqf*

---

<sup>24</sup> . Nuruddin Muhammad 'Itir (1997). *Manhaj al-Naqd Fi Ulum al-Hadis*. Dimasyq: Dar al-Fikr. Jil. 1. Hal. 33.

<sup>25</sup> . Ibrahim bin Sa'id al-Dausari (2008). *Mukhtasar al-'Ibarat Li Mu'jam Mustalahat al-Qiraat*. Riyadh: Dar al-Hadharah. Hal. 22.

dan *Ibtida'*. Namun terdapat juga sebahagian guru yang mensyaratkan agar pelajar membaca al-Quran secara hafazan tanpa melihat kepada mushaf.

### **ANALISA RESPONDEN DALAM MENGENAL PASTI FENOMENA TALAQQI AL-QURAN BERSANAD DI MALAYSIA**

Penyelidik menjalankan analisa deskriptif dalam mengenalpasti demografi *variable* (demographical variable). Hal ini dapat membantu penyelidik dalam mengkaji frekuensi, peratusan, min, sisihan piawaian dan taburan skor responden dalam setiap responden.<sup>26</sup> Di samping menganalisis data dengan cara yang senang difahami.<sup>27</sup> Sebagai contoh, frekuensi jantina, frekuensi umur, frekuensi tahap pendidikan dan sebagainya.

Responden kajian terdiri daripada peserta di kalangan guru dan pelajar daripada pelbagai latar belakang dan akademik yang mana merangkumi 101 responden di empat pusat pengajian yang terpilih dan menyediakan program pengajian talaqqi al-Quran secara bersanad. Demografi kajian diletakkan di bahagian A soal selidik

---

<sup>26</sup> . Julie Pallant (2001). *SPSS Survival Manual A Step By Step Guide To Data Analysis Using SPSS For Windows (Version 10)*. Buckingham: Open University Press. Hal. 51 dan 72.


<sup>27</sup> . Alias Baba (2007). *Statistik Penyelidikan Dalam Pendidikan Dan Sosial Sains*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hal. 56.

dengan memulakan soalan yang berbentuk tertutup (*close ended*). Keputusan demografi *variable* adalah seperti berikut:

Jadual 1: Frekuensi Mengikut Pusat Pengajian N= 101

PUSAT PENGAJIAN		
	Frekuensi	Peratus
Kias	28	27.7
PPQQ Gemilang	30	29.7
PP Al Mufid	35	34.7
PP Ainihafeez Enterprise	8	7.9
Jumlah	101	100.0

Jadual 1 menunjukkan bahawa frekuensi responden berdasarkan pusat pengajian yang mana N=101. Frekuensi bagi pusat pengajian responden yang paling tinggi ialah Pusat Pengajian Al Mufid (PP Al Mufid) iaitu seramai 35 (34.7%) responden diikuti dengan frekuensi responden Pusat Pengajian al-Quran dan Qiraat Gemilang (PPQQ Gemilang) seramai 30 orang (29.7%). Seterusnya frekuensi responden bagi Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) adalah seramai 28 orang (27.7%). Manakala responden yang paling rendah adalah responden di kalangan Pusat Pengajian Aini Hafeez Enterprise iaitu seramai 8 orang (7.9%). Hal ini menunjukkan bahawa responden di kalangan Pusat Pengajian Al Mufid (PP Al Mufid) mendominasi berbanding responden yang lain.



Pie Chart 1


Rentetan daripada jadual 1 di atas, Pie Chart 1 menggambarkan bahawa pusat pengajian al-Quran yang mengambil bahagian dan dapat memberi kerjasama dalam kajian ini dipelopori oleh Pusat Pengajian al Mufid dan diikuti oleh Pusat Pengajian al-Quran dan Qiraat Gemilang. Seterusnya ialah Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Pusat Pengajian Aini Hafeez Enterprise.

Jadual 2. Frekuensi Mengikut Jantina N= 101

JANTINA		
	Frekuensi	Peratus
Lelaki	34	33.7
Perempuan	67	66.3
Jumlah	101	100.0

Jadual 2 menunjukkan bahawa frekuensi jantina di kalangan responden yang mana N=101. Berdasarkan jadual 2, responden di kalangan perempuan mengatasi responden lelaki iaitu seramai 67

orang (66.3%). Manakala responden lelaki adalah seramai 34 (33.7%). Hal ini membuktikan bahawa responden perempuan lebih ramai berbanding responden lelaki.



Pie Chart 2


Lanjutan daripada jadual 2 di atas, pie chart 2 menggambarkan bahawa responden di kalangan perempuan adalah lebih tinggi berbanding responden lelaki iaitu 66.3%.

Jadual 3: Frekuensi Mengikut Umur N= 101

UMUR		
	Frekuensi	Peratus
18-40	28	27.7
41-60	47	46.5
Lebih 60	26	25.7
Jumlah	101	100.0

Jadual 3 menunjukkan bahawa frekuensi responden berdasarkan umur N=101. Frekuensi umur responden yang paling

tinggi adalah antara 41 tahun hingga 60 tahun iaitu seramai 47 orang (46.5%) responden. Disusuli dengan frekuensi responden yang berumur antara 18 tahun hingga 40 tahun iaitu seramai 28 orang (27.7%) responden. Seterusnya frekuensi responden yang melebihi 60 tahun adalah seramai 26 orang (25.7%) responden. Hal ini membuktikan responden bagi kajian ini adalah didominasi oleh responden yang berumur antara 41 tahun hingga 60 tahun.




Pie Chart 3

Berdasarkan jadual 3 di atas, pie chart 3 menggambarkan bilangan responden yang berumur lingkungan 41-60 tahun mengatasi responden yang berumur lingkungan 18-40 tahun dan seterusnya diikuti oleh responden yang berumur lingkungan 60 tahun dan ke atas.

Jadual 4. Frekuensi Mengikut Tahap Akademik N= 101

TAHAP AKADEMIK		
	Frekuensi	Peratus
SPM dan ke bawah	21	20.8
STPM dan Diploma	30	29.7
Ijazah Sarjana Muda dan ke atas	50	49.5
Jumlah	101	100.0

Jadual 5 menunjukkan bahawa frekuensi tahap akademik yang mana N=101. Berdasarkan jadual 4, tahap akademik di peringkat Ijazah Sarjana Muda adalah paling tinggi iaitu seramai 50 responden (49.5%) diikuti dengan responden yang memiliki Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Diploma seramai 30 orang (29.7%). Seterusnya responden yang memiliki Sijil Pengajian Malaysia (SPM) dan ke bawah seramai 21 (20.8%) dianggap sebagai yang terendah di kalangan responden. Hal ini dapat digambarkan di dalam pie chart 4 di bawah.



Pie Chart 4

Lanjutan daripada jadual 4 di atas, pie chart 4 dapat memberi gambaran mengenai tahap akademik di kalangan responden kajian. Berdasarkan pie chart 4 di atas, responden yang memiliki Ijazah

Sarjana Muda dan ke atas adalah yang paling ramai. Seterusnya diikuti oleh responden yang memiliki Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan diploma. Manakala responden yang memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan ke bawah adalah yang paling rendah. Ini membuktikan bahawa pengajian talaqqi al-Quran secara bersanad mendapat sambutan yang hebat di kalangan masyarakat meskipun mempunyai latar belakang akademik yang berbeza.

## **RUMUSAN DAN KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, fenomena pengajian talaqqi al-Quran bersanad di kalangan masyarakat dipengaruhi oleh para ustaz yang pernah bertalaqqi al-Quran bersanad ketika belajar di luar negara dan seterusnya mereka menghidupkan suasana talaqqi al-Quran di Malaysia secara menyeluruh menerusi penubuhan kelas/pusat pengajian tersebut. Fenomena ini dapat membangkitkan lagi suasana cinta al-Quran di kalangan masyarakat Malaysia.

Berdasarkan kepada analisis kajian di atas, dapat dirumuskan bahawa responden yang berumur lingkungan 41 tahun hingga 60 tahun mendominasi kajian ini. Tambahan pula responden yang mempunyai tahap pendidikan di peringkat ijazah sarjana muda dan ke atas adalah yang tertinggi iaitu hampir 50% daripada responden. Ini membuktikan bahawa fenomena talaqqi al-Quran bersanad dipengaruhi oleh kesedaran masyarakat dikalangan 41 tahun hingga 60 tahun yang mempunyai pendidikan yang tinggi.

Namun demikian, penelitian terhadap kaedah penyampaian atau pengijazahan sanad harus diteliti dan diambil perhatian yang sewajarnya agar amalan yang mulia ini diwarisi secara amanah dan tersusun. Aspek nilai komersial, syarat pengijazahan, rujukan dan sebagainya perlulah dititikberatkan oleh mana-mana pusat pengajian yang berminat untuk menawarkan program seumpama ini. Oleh itu, kajian lanjutan harus diberi perhatian khusus terhadap proses pengijazahan sanad al-Quran pula.